

GAYA BELAJAR PELAJAR TINGKATAN LIMA ALIRAN  
PERDAGANGAN DI LIMA BUAH SEKOLAH  
MENENGAH TEKNIK: SUATU KAJIAN

MOHD FAIZAL BIN ABD RAHMAN

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00085470 7

*CN 54612*

**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

**BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA ♦**

**JUDUL : GAYA BELAJAR PELAJAR TINGKATAN LIMA ALIRAN PERDAGANGAN  
DI LIMA BUAH SEKOLAH MENENGAH TEKNIK : SUATU KAJIAN**

**SESI PENGAJIAN : 2003/2004**

Saya : MOHD FAIZAL BIN ABD RAHMAN  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan Projek Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Projek Sarjana adalah hak milik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Projek Sarjana ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\*Sila tandakan (✓)

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI, 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

  
(TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan oleh  
  
(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap : 285 FELDA KOTA GELANGGI, 03 27000 JERANTUT  
PAHANG

PROF.MADYA MOHD IZAM B. GHAZALI  
Nama Penyelia

Tarikh : 27 FEBRUARI 2004


Tarikh : 27 FEBRUARI 2004

CATATAN :

- \* Potong yang tidak berkenaan.
- \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
- ♦ Tesis ini dimaksudkan sebagai tesis bagi Izajah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

**PENGESAHAN PENYELIA**

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik & Vokasional”.

Tandatangan :   
Nama Penyelia : **PROF. MADYA MOHD IZAM B. GHAZALI**  
Tarikh : 27/02/2004.

**GAYA BELAJAR PELAJAR TINGKATAN LIMA ALIRAN PERDAGANGAN  
DI LIMA BUAH SEKOLAH MENENGAH TEKNIK : SUATU KAJIAN**

**MOHD FAIZAL BIN ABD RAHMAN**

Laporan Projek Sarjana ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

**FEBRUARI 2004**

*Coretan ringkas penuh makna ini kutunjukkan khas buat insan-insan yang teristimewa dan tersayang...*

*Buat ayahanda dan bonda, segala jasa dan pengorbanan serta berkat doa kalian berdua menjadi 'nur' yang tidak pernah padam di dalam memastikan setiap inci kejayaan dan kecemerlangan anakanda pada masa ini dan juga masa mendatang, InsyaALLAH.*

*Kejayaan anakanda adalah kejayaan kita semua*

*Buat abang dan adik semoga kejayaan ini akan menjadi sumber motivasi kalian untuk meneruskan usaha kearah mencapai kecemerlangan hidup di dunia dan akhirat.*

*Sesungguhnya ALLAH merahmati hamba-hambaNYA yang berjuang di atas namaNYA.*

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaanNya dapat saya menyiapkan Projek Sarjana ini dalam masa yang ditetapkan.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan penghargaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Mohd Izam Bin Ghazali selaku penyelia projek sarjana yang telah sudi memberi bimbingan dan tunjuk ajar bagi melicinkan perjalanan projek sarjana ini. Sesungguhnya segala teguran, pandangan dan nasihat beliau amat berguna dan hanya Tuhan sahajalah yang akan membalasnya. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada pengetua dan guru-guru di SMT Wakaf Tembusu, Terengganu, SMT Juasseh, Negeri Sembilan, SMT Jalan Stadium, Kedah, SMT Kuantan, Pahang dan SMT Kluang, Johor di atas kerjasama yang diberikan.

Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut serta membantu dan memberi pandangan masing-masing bagi menyiapkan projek ini. Selain itu, saya juga berterima kasih kepada semua pihak yang tidak saya nyatakan di sini yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penyediaan projek ini.

Harapan saya, semoga Projek Sarjana ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak. Sesungguhnya segala yang baik itu datang daripada Allah dan sebarang kelemahan adalah daripada diri saya sendiri.

Sekian. Terima Kasih.

Mohd Faizal B. Abd Rahman

## ABSTRAK

Kajian ini mengenal pasti gaya belajar Visual, Auditori dan Kinestetik pelajar tingkatan lima aliran perdagangan di lima buah sekolah menengah teknik. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti peratus setiap kecenderungan gaya belajar di setiap sekolah yang dikaji. Satu ratus lima puluh orang pelajar telah dijadikan responden kajian. Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan instrumen pengumpulan data yang digunakan adalah borang soal selidik yang telah diubahsuai dari *Learning Style Inventory*. Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 11.5 bagi mendapatkan peratus, min, sisihan piawai serta mengenal pasti sekiranya terdapat perbezaan yang signifikan setiap skor gaya belajar di kalangan sekolah yang dikaji. Dapatan kajian menunjukkan peratus kecenderungan gaya belajar paling tinggi ialah gaya belajar Auditori diikuti dengan gaya belajar Kinestetik dan Visual.



## **ABSTRACT**

This research identify Visual, Auditory and Kinesthetic learning styles of form five commerce students at five technical schools. The main objective is to identify the percentage of each learning style preferences at each school respectively. One hundred fifty students were chosen as respondent in this research. This research is a descriptive and the instrument used to collect data was questionnaire, a modified LSI. The data was analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 11.5 to produce percentage, mean, standard deviation and to identify whether there is significant difference for each learning style identified. The results showed that the percentage for Auditory learning style was the highest followed by Kinesthetic and Visual.

**SENARAI KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
<b>BAB I</b>	<b>PENGENALAN</b>	
	1.1 Pendahuluan	1

1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Soalan-Soalan Kajian	7
1.5	Hipotesis Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	8
	1.6.1 Guru	9
	1.6.2 Pelajar	9
1.7	Objektif Kajian	10
	1.7.1 Objektif Am	10
	1.7.2 Objektif Khusus	11
1.8	Skop Dan Batasan Kajian	11
1.9	Definisi Terma	12
	1.9.1 Gaya Belajar	13
	1.9.2 Model VAK	13
	1.9.3 <i>Learning Style Inventory</i>	14
1.10	Rangka Kerja Konseptual	14

## **II KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	17
2.2	Konsep Pembelajaran	17
2.3	Kepentingan Gaya Belajar	20
2.4	Gaya Belajar Model VAK	26
	2.4.1 Ciri-Ciri Gaya Belajar Model VAK	30
	2.4.2 Kaedah Belajar	31
	2.4.3 Kaedah Mengajar	32
2.5	Enam Gaya Pembelajaran Utama	37
2.6	<i>Learning Style Inventory</i>	39

### III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	42
3.2	Jenis Penyelidikan	43
3.3	Reka Bentuk Kajian	43
3.4	Responden Dan Sumber Data	46
3.5	Instrumentasi	47
	3.5.1 Bahagian A	48
	3.5.2 Bahagian B	48
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	49
	3.6.1 Data Primer	50
3.7	Analisis Data	50
	3.7.1 Kaedah Statistik Deskriptif	50
	3.7.2 Kaedah Statistik Inferensi	51
3.8	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	51
	3.8.1 Hasil Kajian Rintis	52
3.9	Prosedur Menganalisis Data	53
3.9	Andaian	54
3.10	Limitasi	55

### IV ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	56
4.2	Latar Belakang Responden	57
4.3	Analisis Data	59
	4.3.1 Tahap Kecenderungan Gaya Belajar Visual	59
	4.3.2 Tahap Kecenderungan Gaya Belajar Auditori	61
	4.3.3 Tahap Kecenderungan	

	Gaya Belajar Kinestetik	65
4.3.4	Peratusan Kecenderungan	
	Gaya Belajar Secara Keseluruhan	67
4.3.5	Perbezaan Min Kecenderungan	
	Gaya Belajar Berdasarkan Sekolah	70
4.4	Kesimpulan	79

## **V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pengenalan	80
5.2	Perbincangan dan Rumusan	81
5.3	Cadangan	91
	5.3.1 Kajian lanjutan	92
5.4	Penutup	93

	<b>BIBLIOGRAFI</b>	94
--	--------------------	----

	<b>LAMPIRAN</b>	100
--	-----------------	-----

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Rangka Kerja Konseptual Gaya Belajar	16
2.1	Piramid Gaya Belajar Model VAK	27
2.2	The Playground Theory Of Learning	29
2.3	Model Sistem Pembelajaran Riccio	36
2.4	Model Kitaran Gaya Belajar Kolb	40
3.1	Model Kerangka Kajian	45
4.1	Peratus Kecenderungan Gaya Belajar Visual di SMT yang dikaji	61
4.2	Pecahan Peratus Kecenderungan Gaya Belajar Auditori SMT yang dikaji	64
4.3	Pecahan Peratus Kecenderungan Gaya Belajar Kinestetik di SMT yang di kaji.	66
4.4	Pecahan Peratus Kecenderungan Gaya Belajar Keseluruhan	68

## SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Enam Gaya Pembelajaran	37
3.1	Pecahan Soalan-Soalan Mengikut Gaya Belajar	48
3.2	Skala Likert	49
3.3	Jadual Tahap Kecenderungan	53
4.1	Maklumat Latar Belakang Responden	57
4.2	Taburan Maklumat Latar Belakang Responden	58
4.3	Skor Min Tahap Kecenderungan Gaya Belajar Visual	60
4.4	Skor Min Tahap Kecenderungan Gaya Belajar Auditori	62
4.5	Skor Min Bagi Tahap Kecenderungan Gaya Belajar Kinestetik	65
4.6	Peratusan Terperinci Berdasarkan Sekolah	69
4.7	Ujian ANOVA Bagi Skor Min Gaya Belajar Visual	71
4.8	Ujian Post Hoc – Skor Min Gaya Belajar Visual	73
4.9	Ujian ANOVA Bagi Skor Min Gaya Belajar Auditori	74

4.10	Ujian Post Hoc – Skor Min Gaya Belajar Auditori	75
4.11	Ujian ANOVA bagi Skor Min Gaya Belajar Kinestetik	77
4.12	Ujian Post Hoc bagi Skor Min Gaya Belajar Kinestetik	78



## SENARAI SINGKATAN

Model VAK	-	Model Visual, Auditori dan Kinestetik
SMT	-	Sekolah Menengah Teknik
LSI	-	Learning Style Inventory

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang Soal Selidik	100
B	Borang Pengesahan Pakar	107
C	Keputusan Ujian Kebolehppercayaan	109

---

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Proses pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu agenda para pendidik global kini. Di kebanyakan negara agenda pendidikan ini lebih menekankan kepada bagaimana cara untuk memperkukuh dan memperkemas kaedah pengajaran guru. Pelbagai idea tentang pendidikan wujud sebagai tindakbalas warga dunia kepada kepentingan ilmu pengetahuan. Antaranya ialah *learning school*, *learning organization*, *learning communities*, *learning society's* dan juga *learning age*. Kini nilai-nilai kreatif di dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mengambilkira gaya belajar seseorang pelajar diberi perhatian yang sewajarnya dalam usaha melahirkan lebih ramai pelajar yang berkualiti (Woods, 2000).

Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai visi dan misi untuk setanding dengan bangsa-bangsa maju lain di dunia meletakkan aspek pendidikan sebagai satu aspek paling penting di dalam pembangunan negara. Ini dapat dibuktikan dengan

peruntukan yang amat besar ke atas bajet pendidikan pada setiap tahun. Bagi bajet 2003, peruntukkan untuk sektor pendidikan ialah sebanyak 27% daripada peruntukkan keseluruhan bajet tersebut (Kementerian Kewangan Malaysia, 2003). Penumpuan kepada aspek kecemerlangan akademik merupakan antara agenda utama untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat kecemerlangan pendidikan di dunia.

Kecemerlangan akademik pelajar-pelajar sekolah adalah bergantung kepada beberapa faktor penting yang menjadi penentu seperti gaya belajar dan kedah pengajaran yang diaplikasikan oleh guru. Kebolehan guru atau pensyarah mengajar dengan pelbagai kaedah biasanya akan berjaya menarik minat dan pencapaian para pelajar dalam sesuatu mata pelajaran. Sebagai guru, mereka perlu berusaha menggunakan segala pengetahuan dan pengalaman untuk mengajar secara berkesan.

Gaya pembelajaran banyak membantu kepada mempertingkatkan daya konsentration pelajar terhadap pelajaran (Ismail, 2003). Guru sebagai pendidik kini mempunyai tugas yang mencabar untuk mempertingkatkan kemahiran mereka dalam segenap ilmu sebagai usaha mencapai kualiti guru yang diinginkan oleh negara ini. Salah satu kemahiran yang amat penting perlu dikuasai oleh guru ialah kemahiran dalam proses pengajaran. Salah satu kemahiran dalam proses pengajaran ialah mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar.

Gaya belajar yang berkesan dipadankan dengan kaedah pengajaran yang sesuai merupakan satu kaedah untuk pelajar dan guru memurnikan proses pengajaran dan pembelajaran. Apa yang paling penting ialah bagaimana seseorang pelajar itu dapat memaksimumkan pemahaman mereka tentang apa yang mereka pelajari. Untuk itu sebagai guru penggunaan teknik pengajaran yang pelbagai dapat merealisasikan matlamat tersebut.

Pemahaman kepada gaya belajar pelajar adalah penting untuk disesuaikan dengan kaedah pengajaran guru.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menekankan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan seimbang dalam aspek rohani, jasmani, emosi dan intelek. Aspek intelek menyumbang kepada kecemerlangan dalam bidang akademik. Proses pengajaran dan pembelajaran adalah teras kepada pendidikan. Ini merupakan satu proses yang dinamik di mana ia melibatkan interaksi di antara guru dan juga pelajar.

Pelajar perlulah mengenal pasti dan menyesuaikan diri dengan gaya belajar mereka supaya proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih efektif dan efisien. Untuk itu, guru perlu dibekalkan kemahiran mengenal pasti gaya pembelajaran dan juga kaedah menyesuaikan pengajaran dengan gaya belajar pelajar. Sekiranya proses pembelajaran pelajar menjadi penghalang kepada merialisasikan potensi mereka secara optimum, maka guru perlu juga dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran untuk mengatasi masalah tersebut.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Antara faktor utama yang membawa kepada pencapaian akademik pelajar adalah didorong oleh gaya belajar pelajar itu sendiri. Setiap saat yang diperuntukkan untuk setiap pelajar itu hanya akan bermakna sekiranya pelajar itu dapat memahami dan menghayati sepenuhnya apa yang telah diajarkan. Adalah menjadi kerugian kepada pelajar tersebut sekiranya tidak memahami apa yang telah dipelajarinya. Oleh itu setiap

individu seharusnya mengetahui gaya belajar yang paling sesuai untuknya (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Para pendidik perlu melengkapkan diri dengan berbagai-bagai teknik pengajaran. Guru berperanan untuk mengenal pasti gaya belajar pelajar supaya ianya dapat dipadankan dengan kaedah pengajaran guru (Omardin, 1999).

Menurut Hanson (1995), sebagai guru, andaian bahawa gaya belajar para pelajar adalah sama didapati tidak benar, beliau menegaskan terdapatnya hubungan antara mata pelajaran yang diambil dengan kaedah pengajaran guru. Ini bermakna sekiranya guru tersebut sedang mengajar pelajaran yang berbentuk kemahiran menggunakan tangan maka berkemungkinan pelajar adalah lebih berminat kepada aktiviti yang berbentuk praktikal. Oleh itu, kaedah pengajaran juga hendaklah lebih kepada gaya belajar Kinestetik. Di sini, ia menunjukkan bahawa kesesuaian kaedah pengajaran guru dengan gaya belajar pelajar yang sepatutnya adalah perlu.

Nelson menyatakan bahawa pengabaian kepada teknik pengajaran yang berkesan merupakan salah satu sebab utama kejatuhan kualiti pelajar program perakaunan. Sebagai guru, adalah perlu untuk memahami gaya belajar para pelajar sebagai salah satu inisiatif dalam mempertingkatkan kaedah pengajaran mereka (Nelson, 1996).

Penggunaan kaedah pengajaran yang sesuai ini juga disokong oleh Albrecht dan Sack (2000), di mana mereka menekankan bahawa sebagai pengajar program perakaunan, kaedah pengajaran yang selama ini tidak diberi perhatian yang sewajarnya menjadi sebahagian punca masalah kepada kualiti akademik pelajar yang semakin menurun. Salah satu penyelesaian kepada masalah tersebut ialah dengan penglibatan aktif guru dalam memahami gaya belajar yang pelbagai di kalangan pelajarnya.

Satu kajian berkenaan kaedah pengajaran guru telah dilakukan oleh Maznah (2000) mendapati bahawa pelajar akan merasa bosan di dalam kelas sekiranya guru tidak berusaha untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran serta tidak memahami gaya belajar para pelajarnya. Beliau mencadangkan kepada semua guru untuk memahami gaya belajar pelajar dalam usaha menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih bermakna disamping dapat menarik minat pelajar untuk terus belajar. Melalui pemahaman kepada gaya belajar pelajar, seseorang guru dapat merancang kaedah pengajaran yang lebih efektif seperti penggunaan alat dan bahan bantuan mengajar yang sesuai.

Dangwal dan Mitra (2000) menekankan bahawa pemahaman kepada gaya belajar yang pelbagai adalah perlu kepada setiap guru kerana ianya akan memberikan banyak kebaikan kepada guru tersebut pada akhirnya. Pendidikan zaman kini memerlukan kemahiran yang pelbagai di kalangan pelajar dan guru. Oleh itu pemahaman kepada gaya belajar pelajar merupakan kemahiran penting kepada pendidik. Beliau juga mencadangkan supaya lebih banyak kajian dilakukan ke atas gaya belajar yang pelbagai di kalangan pelajar bagi kepentingan guru khususnya dan proses pengajaran dan pembelajaran amnya.

Raja Mahani (2002) memberikan cadangan supaya perlunya kajian lanjutan dibuat untuk mempertingkatkan proses pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar supaya dapat melahirkan lebih ramai pelajar yang cemerlang dan hasil kajian tersebut diharapkan dapat membantu dalam membentuk kaedah pengajaran guru.

Berdasarkan pendapat pengkaji-pengkaji dalam dunia pendidikan di atas, adalah perlu satu kajian dilakukan ke atas para pelajar untuk mengenal pasti gaya belajar pelajar supaya ianya dapat disesuaikan dengan kaedah pengajaran oleh guru dalam memenuhi tuntutan kepada pendidikan kini seperti yang telah disarankan oleh Raja Mahani (2003),

Dangwal dan Mitra (2000), Nelson (1996) serta Albrecht dan Sack (2000). Oleh itu kajian ini dijalankan bagi memenuhi saranan yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji tersebut. Selaras dengan saranan itu satu kajian dilakukan ke atas pelajar aliran perdagangan di lima buah SMT, untuk mengetahui gaya belajar dominan para pelajar aliran perdagangan di lima buah SMT tersebut dan mencadangkan kaedah pengajaran yang paling sesuai dengan gaya belajar pelajar kepada para guru.

Kajian dilakukan dengan mengenal pasti peratus kecenderungan gaya belajar Visual, Auditori dan Kinestetik. Ini merujuk kajian yang dilakukan oleh Institute of TAFE (1999) mendapati elemen Visual, Kinestetik dan juga Auditori memainkan peranan paling penting dalam pembelajaran pelajar setiap hari. Kajian yang dilakukan di Amerika Syarikat mendapati, 40% gaya belajar pelajar didominasi daripada gaya belajar Kinestetik, 35% gaya belajar Visual dan 25% lagi adalah dari gaya belajar Auditori. Selain itu, Loewen (2002) menyatakan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran harian melibatkan tiga gaya belajar utama iaitu Visual, Auditori dan Kinestetik. Ini adalah kerana, bagi pelajar yang tidak mempunyai kecacatan anggota badan, mereka akan menggunakan satu, dua atau kesemua gaya belajar ini.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kajian yang dilakukan ini adalah berasaskan kepada pernyataan masalah berikut :

“ Apakah gaya belajar bagi pelajar aliran perdagangan di Sekolah Menengah Teknik Wakaf Tembusu Kuala Terengganu, Sekolah Menengah Teknik Juasseh, Negeri Sembilan, Sekolah Menengah Teknik Jalan Stadium, Kedah, Sekolah Menengah Teknik Kuantan Pahang dan Sekolah Menengah Teknik Kluang Johor?”. Ini adalah bertujuan